



SIARAN MEDIA

MDEC MEMETERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DENGAN HASIL BEKERJASAMA LAKSANA INISIATIF E-INVOIS KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 25 OKTOBER 2022 – Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), agensi peneraju ekonomi digital Malaysia, hari ini telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) sebagai tanda menjalinkan kerjasama strategik bagi pelaksanaan Inisiatif e-Invois Kebangsaan (National e-Invoicing Initiative).

Majlis penandatanganan MoU yang diwakili oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif, HASiL dan Ts. Mahadhir bin Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif MDEC telah disaksikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidon serta Setiausaha Bahagian, Bahagian Teknologi Komunikasi Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM), Encik Ahmad Norhad bin Zahari.

Melalui MoU ini MDEC dan HASiL akan bekerjasama dalam menyelaraskan pelaksanaan Inisiatif e-Invois Kebangsaan dengan model pematuhan cukai di seluruh negara serta berkongsi status pelaksanaan dan rangka kerja berkenaan perancangan, strategi dan perkembangan berhubung pelaksanaan inisiatif tersebut.

Inisiatif e-Invois Kebangsaan yang diterajui oleh MDEC dengan sokongan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM), merupakan inisiatif untuk memacu agenda digitalisasi negara sejajar dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan ia juga salah satu program di bawah Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang (NESR) 2.0.

Seiring dengan arus perkembangan digitalisasi yang pesat, perniagaan memerlukan cara yang lebih mudah untuk pertukaran maklumat dan transaksi perdagangan di peringkat global.

Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Mahadhir bin Aziz, berkata inisiatif ini juga adalah salah satu Program Mangkin Malaysia Digital (PEMANGKIN) di bawah sektor Perdagangan Digital (Digital Trade), yang bertujuan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi digital negara dengan menyokong penyelarasian piawaian dan pendekatan kawal selia untuk memudahkan perdagangan tempatan dan merentasi sempadan.

“MDEC akan bekerjasama dengan HASiL dalam pelaksanaan Inisiatif e-Invois Kebangsaan dengan mengambil kira keperluan percukaian bagi pembangunan rangka kerja *e-invoicing* yang akan dilaksanakan di Malaysia serta membuat promosi berhubung kepentingan dan kelebihan e-invois kepada perniagaan.”

“Inisiatif e-Invois Kebangsaan ini adalah sebahagian dari agenda pendigitalan yang lebih menyeluruh bagi dokumen-dokumen perniagaan, bermula dengan e-invois, dan kemudiannya akan merangkumi dokumen-dokumen perniagaan lain seperti penghantaran, katalog dan pesanan. Ini adalah selaras dengan *trend* global apabila pelbagai negara telah melaksanakan e-invois yang *interoperable*, dan kemudiannya pelaksanaan diperluaskan untuk merangkumi dokumen-dokumen perniagaan yang lain.”

“MDEC akan terus komited dalam mengenal pasti sektor berpotensi tinggi, selaras dengan inisiatif strategik nasional baharu, Malaysia Digital (MD) di mana sektor Perdagangan Digital akan terus dipacu melalui kesalingoperasian dan penyelarasan yang lebih baik dari segi *standard* dan pendekatan kawal selia serta memudahkan perdagangan tempatan merentasi sempadan,” tambahnya.

Sementara itu, Datuk Dr. Mohd Nizom Sairi dalam ucapannya menyatakan bahawa HASiL menyambut baik kerjasama ini kerana ia selari dengan aspirasi Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMK ke-12) yang menumpukan kepada agenda memperkuatkan infrastruktur perkhidmatan digital dan seterusnya ke arah pendigitalan pentadbiran cukai.

Ujar beliau lagi, dalam konteks percukaian, kajian di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa pelaksanaan *e-invoicing* ini bukan sahaja mampu menambah baik kutipan cukai dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh pentadbir cukai, malah ia turut memberikan banyak manfaat kepada pembayar cukai dari segi meningkatkan kecekapan operasi perniagaan, memudahkan urusan penyimpanan rekod dan mengurangkan kos pematuhan cukai mereka.

Tambah beliau lagi, pelaksanaan *e-invoicing* juga dapat mewujudkan transaksi perniagaan yang lebih telus sekali gus dapat membantu kerajaan mengatasi masalah ekonomi bayangan (*shadow economy*) dalam urus niaga. Sehubungan dengan itu, kerjasama MDEC dan HASiL ini amat penting dalam usaha semua pihak meningkatkan kemampuan sistem percukaian negara dan seterusnya dipercayai oleh rakyat.

###

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Customer Care Officer: 019-651 1100

Hasil Care Line: 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 25 Oktober 2022



Majlis penandatanganan MoU yang diwakili oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif, HASIL dan Ts. Mahadhir bin Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif MDEC telah disaksikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidon serta Setiausaha Bahagian, Bahagian Teknologi Komunikasi Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM), Encik Ahmad Norhad bin Zahari. (Gambar di atas)

YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi bertukar dokumen MoU dengan Ts. Mahadhir bin Aziz disaksikan oleh YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidon dan Encik Ahmad Norhad bin Zahari. (Gambar di bawah)

